



16 FEB, 2025

Sistem Penyimpanan Tenaga Bateri pertama di Malaysia

Mingguan Sarawak, Malaysia



LOJI Janakuasa Sejirkat.

KUCHING: Sarawak Energy Bhd (SEB) mentaulahkan Sistem Penyimpanan Tenaga Bateri Skala Utiliti Pertama Malaysia (BESS) di Loji Tenaga Sejirkat.

Menurut SEB melalui satu kenyataan kelmarin, BESS berkapasiti 60-megawatt (MW) itu, yang telah dijana pada Disember 2024, menyediakan perkhidmatan grid penting termasuk rizab berputar utama (rizab kecemasan), pengawalan dan kekerapan voltan serta pengurusan permintaan puncak.

Perkhidmatan ini menyokong pengoptimuman sistem penjanaan kuasa dan grid secara menyeluruh.

"Pelaburan ini juga membolehkan keupayaan BESS diuji bagi mengintegrasikan sumber tenaga boleh baharu seperti solar.

"Ini sejajar dengan hasrat Sarawak untuk mencapai status negeri berpendapatan tinggi menjelang 2030 di bawah Strategi Pembangunan Pasca Covid-19 (PCDS 2030), yang mengenai pasti tenaga boleh baharu sebagai pemboleh ubah utama kemajuan ekonomi negara," katanya.

Loji Tenaga Sejirkat, stesen janakuasa arang batu pertama di Borneo dan kedua di Malaysia telah diinaugurasi pada 1998, penggunaannya sedang dihentikan secara berperingkat.

SEB berkata peralihan ini mencerminkan komitmennya terhadap tanggungjawab alam sekitar termasuk mengurangkan pelepasan karbon.

Sementara itu, Premier Sarawak Datuk Patinggi Tan

Sri Abang Johari Tun Openg berkata kerajaan negeri merancang untuk memperluaskan inisiatif BESS di seluruh Sarawak terutamanya di kawasan luar bandar.

"Disebabkan ia bersifat mudah alih, ia boleh dicaj dan dipindahkan. SEB kini menyimpan bateri dalam 22 kontena, memudahkan ia untuk digunakan ke kawasan luar bandar bagi meningkatkan bekalan tenaga di mana diperlukan."

"Jika ini terbukti berjaya, kami dapat mengembangkan inisiatif tersebut. BESS juga boleh digunakan di tapak empangan hidroelektrik selain berfungsi sebagai penyelesaian tenaga hibrid bagi loji tenaga kami," katanya kepada pemberita selepas mewat fasiliti Sejirkat kelmarin.- Bernama